

13 NOV 1999

JANGAN TERPENGARUH TERHADAP ISU MEMBENCI PEMIMPIN, KATA ALI RUSTAM

SELANDAR, 13 Nov (Bernama) -- Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Wira Mohd Ali Rustam menasihati rakyat supaya tidak terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang yang sengaja menimbulkan kebencian terhadap kerajaan semata-mata untuk memancing undi.

Katanya penduduk luar bandar tidak seharusnya terpengaruh dengan cacian terhadap pemimpin kerajaan yang menjadi agenda utama pembangkang dalam kempen pilihan raya mereka.

"Tanya diri dan lihat sekeliling sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengabaikan aspek sosio ekonomi terutama pada penduduk luar bandar sejak beliau menjawat jawatan Perdana Menteri," katanya pada majlis ceramah isu semasa di Kampung Masjid Baru, Bukit Asahan, di sini hari ini.

Pada majlis itu, beliau juga melancarkan program gerak-gempur Pemuda Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri Bukit Asahan dalam parlimen Selandar.

Mohd Ali, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, berkata rakyat harus bersyukur dan mengakui kesungguhan usaha gigih Dr Mahathir dalam meningkatkan aspek pembangunan di setiap ceruk rantau di negara ini.

Mohd Ali berkata Pas dan Keadilan sanggup berbohong dalam semua isu dan gagal melihat kebenaran kejayaan yang dicapai kerajaan BN semata-mata kerana sentimen politik mereka.

Katanya rakyat tidak seharusnya mempercayai pembohongan parti pembangkang itu.

-- BERNAMA

NO AKD